

**Bernama Terbit Buku Sempena 40 Tahun Hubungan Malaysia-China**  
**Bernama**  
**Mei 28, 2014**

KUALA LUMPUR, 28 Mei (Bernama) -- Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama) menerbitkan buku mewah setebal 100 muka surat sempena 40 tahun hubungan dua hala yang kukuh antara Malaysia dan China.

Pengurus Besar Bernama Datuk Yong Soo Heong berkata edisi pertama buku bertajuk 'Ties That Bind Malaysia & China' adalah dalam bahasa Inggeris dan Cina manakala edisi kedua dalam bahasa Melayu dan Cina akan menyusul tidak lama lagi.

"Buku ini menjejak lawatan bersejarah Perdana Menteri kedua Tun Abdul Razak Hussein ke China pada Mei 1974, hubungan dua hala yang kukuh selama ini selain ketibaan dua beruang panda gergasi Fu Wa dan Feng Yi di Zoo Negara di Kuala Lumpur," kata Yong kepada Bernama Rabu.

Selain itu, buku turut memuatkan artikel khas yang menyentuh hubungan diplomatik pada peringkat awal, persahabatan antara pemimpin kedua-dua negara; pertumbuhan perniagaan, perkongsian dan pelaburan; peningkatan hubungan antara rakyat menerusi sukan, pendidikan dan kebudayaan serta langkah ke hadapan dalam hubungan Malaysia-China.

"Memang kena pada masanya Bernama menerbitkan buku kenang-kenangan ini ketika Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak mengadakan lawatan rasmi ke China selama seminggu," kata Yong.

Foto di dalam buku itu diperoleh daripada Bernama sendiri dan juga Jabatan Penerangan, iaitu dua agensi di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia.

"Kami berterima kasih kepada Jabatan Penerangan untuk gambar-gambar hitam putih yang merakamkan lawatan bersejarah Tun Abdul Razak memandangkan Bernama hanya memulakan operasi unit fotonya pada 1980," kata Yong.

Beliau berkata buku itu amat bermakna khususnya bagi syarikat dan perusahaan yang mempunyai hubungan perniagaan dengan rakan kongsi di China dan mereka yang berminat dalam hubungan Malaysia-China.

Untuk cetakan awal, Bernama sedia menerima tempahan memasukkan logo korporat di dalam buku berkenaan.

Antara syarikat dan organisasi yang telah membuat tempahan khas ialah Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade), 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dan Hai-O Enterprise Berhad.

Sebarang pertanyaan boleh dikemuka kepada **Unit Pemasaran Foto Bernama** di talian **03-26939933** atau **eksekutif jualan Fariz Rizal Madzri (Fariz Rizal Madzri (fariz@bernama.com, 03-26962217, 013-9888803)** atau **Siti Salhah Yassin (salhah@bernama.com, 03-20594660, 010-8042389)**.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1042205>